

## MELIBATKAN DIRI

NCSMSB ialah sebuah organisasi tanpa keuntungan. Ianya bergantung kepada derma orang ramai dan geran kerajaan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Sebahagian besar daripada peruntukannya adalah digunakan untuk menyokong perkhidmatan penjagaan paliatif di rumah yang disediakan secara percuma. Pemberian derma kepada NCSMSB adalah dikecualikan cukai dan derma anda boleh dihantar melalui S Pay Global (SarawakPay), cek, wang tunai atau pindaan melalui bank.

## SUKARELAWAN

Aktiviti yang dijalankan di NCSMSB diuruskan terutamanya oleh sukarelawan. Kami mengalu-alukan penyertaan sukarelawan dalam aktiviti kami. Mereka boleh terlibat dalam aktiviti seperti penganjuran acara, pengumpulan dana, ceramah pendidikan, penjagaan paliatif di rumah atau pentadbiran.

Jika anda ingin berkhidmat sebagai sukarelawan NCSMSB, sila muat turun borang **Volunteer Form** di <https://sarawakcancer.org.my/>

## MENJADI RAKAN KONGSI KAMI

NCSMSB sangat memerlukan sokongan daripada komuniti untuk memberikan penjagaan yang diperlukan oleh komuniti. NCSMSB mengalu-alukan penyertaan koperasi, pertubuhan bukan kerajaan, orang perseorangan untuk menjadi rakan kongsi kami. Sila hubungi NCSMSB untuk menjadi rakan kongsi.

## SUMBANGAN DIHARGAI!

Sumbangan daripada orang awam yang bermurah hati sangat diperlukan bagi mengekalkan peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan pelbagai aktiviti.

*Komuniti Kita Prihatin terhadap Komuniti Kita.*

### TRANSAKSI MELALUI BANK



The National Cancer Society  
Of Malaysia Sarawak Branch

RHB A/C No. 211-212-5006-1883



Imbas Kod QR

Hubungilah kami:

### THE NATIONAL CANCER SOCIETY OF MALAYSIA SARAWAK BRANCH

No. 186, First Floor Jalan Nyiur  
Off Jalan Tabuan, 93200 Kuching  
T: +6082 235 809 | M: +6010 951 1932

Email: [admin@sarawakcancer.org.my](mailto:admin@sarawakcancer.org.my)  
<https://sarawakcancer.org.my/>

Ikuti kami di Facebook

NCSMSB berdedikasi kepada kebajikan semua pesakit kanser. Penjagaan paliatif di rumah dan pinjaman alat perubatan adalah

**~ PERCUMA ~**

## OUR community CARING for our COMMUNITY

Rainbow Over Mulu  
Photo Credit: CP Lim



National  
Cancer  
Society  
Malaysia

*Giving Hope Celebrating Life*  
SARAWAK BRANCH

## VISI

*"Hidup dalam  
dunia tanpa  
kanser".*

## MISI

*"Memastikan bahawa penyakit kanser bukan suatu penyakit yang ditakuti oleh rakyat Malaysia, malah melalui pengesahan dan pencegahan awal penyakit kanser, penjagaan dan sokongan yang terbaik dapat diberikan kepada mereka".*

(NCSMSB) ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan tanpa keuntungan yang telah ditubuhkan pada tahun 1986 di Kuching, Sarawak.

Aktiviti utama kami ialah penjagaan paliatif di rumah, pinjaman peralatan perubatan, pendidikan/kesedaran orang awam dan latihan.

NCSMSB tidak mengenakan sebarang bayaran untuk perkhidmatannya. Ia bergantung kepada derma dan geran kerajaan untuk membiayai aktiviti-aktivitinya.

## PENJAGAAN PALIATIF DI RUMAH

Menyediakan penjagaan dan sokongan yang terbaik bagi mereka yang menghidap kanser:

- Mencegah/melegakan kesakitan dan penderitaan
- Membantu dalam mendapatkan penilaian perubatan dan rawatan yang sesuai
- Meningkatkan kualiti hidup mereka

## APA ITU PENJAGAAN PALIATIF

Penjagaan paliatif merupakan suatu pendekatan untuk meningkatkan kualiti hidup seseorang pesakit (dewasa dan kanak-kanak) dan keluarga mereka yang menghadapi masalah berkaitan dengan penyakit yang mengancam nyawa. Ia menghalang dan melegakan penderitaan seseorang melalui pengesahan awal dan penilaian perubatan yang betul. Rawatan untuk melegakan kesakitan serta masalah lain, sama ada fizikal, sosial atau psikososial akan diberikan.

*Punca : Pertubuhan Kesihatan Sedunia*

## PERKHIDMATAN KAMI

### Perkhidmatan Penjagaan Pesakit

- Penjagaan paliatif di rumah
- Pinjaman peralatan perubatan untuk kegunaan di rumah

### Aktiviti Kemasyarakatan

- Kesedaran dan pendidikan awam
- Latihan

## PENJAGAAN PALIATIF DI RUMAH

Penjagaan paliatif di rumah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup seseorang pesakit kanser yang berada dalam keadaan tenat dengan menyediakan sokongan perubatan dan psikososial kepada pesakit serta keluarganya di rumah mereka.

Pasukan penjagaan di rumah NCSMSB terdiri daripada jururawat sepenuh masa dan doktor sukarela yang terlatih dalam penjagaan paliatif. Perkhidmatan paliatif di rumah hanya tersedia untuk pesakit yang tinggal dalam radius 20 km dari pejabat NCSMSB kami.

Setelah pendaftaran pesakit dibuat, pasukan kami akan melawat pesakit di rumah untuk membuat penilaian perubatan dan pengurusan selanjutnya akan dibincangkan dengan keluarganya.

### RUJUKAN UNTUK PENJAGAAN DI RUMAH

Jika anda ingin merujuk/mendaftar seseorang untuk program penjagaan paliatif di rumah, sila muat turun borang:

**NCSMSB Home Care Patient Referral Form di**  
[\*\*https://sarawakcancer.org.my//\*\*](https://sarawakcancer.org.my//)

## PINJAMAN PERALATAN PERUBATAN

Kebanyakan pesakit dalam penjagaan paliatif memerlukan bantuan pelbagai peralatan perubatan untuk memberikan keselesaan kepada mereka. NCSMSB sedia meminjamkan pelbagai peralatan perubatan yang diperlukan seperti katil hospital, tilam angin, kerusi commode, kerusi roda, mesin konsentrasi oksigen dan lain-lain kepada pesakit ini.

Peralatan sediada antaranya dibeli oleh NCSMSB dengan menggunakan geran kerajaan atau disumbangkan oleh keluarga pesakit atau orang awam.

## KESEDARAN & PENDIDIKAN AWAM

NCSMSB menganjurkan aktiviti seperti berikut:

### Seminar Saintifik

- Untuk anggota perubatan dan kesihatan

### Program Komuniti

- Ceramah dan forum umum
- Aktiviti kemasyarakatan

Matlamatnya adalah untuk menggalakkan cara hidup sihat, meningkatkan kesedaran tentang kanser, menggalakkan pengesahan awal kanser melalui saringan dan mendapatkan nasihat perubatan yang sesuai.